

15 DEC 1998  
FIABCI-KEMPEN/I  
KEMPEN PEMILIKAN RUMAH RANGSANG SEKTOR HARTANAH

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Pertanyaan mengenai urusan hartanah kian meningkat berikutan kempen pemilikan rumah yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu lepas, kata Presiden FIABCI (Persekutuan Hartanah Antarabangsa) Malaysia Datuk Alan Tong Kok Mau.

Dalam ucapan yang disampaikan pada sesi ceramah tertutup di sini hari ini, beliau berkata kempen yang berlangsung dari 12 Dis 1998 hingga 12 Jan 1999 itu tentunya akan merangsang sektor hartanah.

Sambutan kepada kempen itu menggalakkan dengan adanya insentif dan kelonggaran bagi pembelian dalam satu bulan ini untuk menarik pelabur tempatan dan asing, tambahnya.

Tong berkata industri perumahan akan pulih dengan langkah yang sesuai dan berterusan yang diambil kerajaan untuk merangsang pelaburan langsung dan tukaran asing.

FIABCI Malaysia, katanya, gembira bahawa semasa kempen ini kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) tidak perlu diperolehi dalam pembelian oleh orang asing.

"Seterusnya, kami menggesa kerajaan menimbang untuk membezakan peraturan yang dikenakan kepada pelabur asing dan pelabur Malaysia," katanya sambil merujuk kepada peraturan piawaian FIC yang mengenakan kuota 30 peratus bagi sebarang pelaburan termasuk pelaburan dalam aset yang bernilai melebihi RM5 juta.

Sementara itu, beliau juga memberi amaran kepada pembeli hartanah supaya membeli jika perlu dan jangan menggalakkan spekulasi kerana ada pemaju mungkin menjual projek siap di bawah nilai gantian untuk memastikan aliran tunai yang sihat.

Tong juga menyambut baik penubuhan pusat maklumat hartanah negara untuk kestabilan jangka panjang industri hartanah.

"Adalah amat berguna jika kita mempunyai simpanan data dalam setiap bandar. FIABCI Malaysia percaya jentera ini boleh mengelak keadaan pembinaan berlebihan," katanya. -- BERNAMA

MK JR OS